

KOMPOSISI *JINGLES*:
PERODUA KANCIL 850 EX
DAN
KAMPUS BARU UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

NGU TAI TEE

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Muzik)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2007

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/ LAPORAN

**JUDUL: KOMPOSISI *JINGLE* YANG BERTAJUK PERODUA KANCIL 850 EX
DAN KAMPUS BARU UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

SESI PENGAJIAN: 2006/2007

Saya NGU TAI TEE mengaku membenarkan tesis/laporan * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitalan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi

5. * Sila tandakan ✓

SULIT

TERHAD

TIDAK
TERHAD

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti yang termaktub di dalam AKTA RASHIA SASMI 1972)

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Tandatangan Penyelia

Tarikh:

Alamat tetap: Jalan Yong Cheng, Tung Nam Poh,
96507 Bintangor, Sarawak.

Catatan: * tesis/ laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

* Jika tesis/laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa atau organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD

Projek bertajuk Perodua Kancil 850 EX dan kampus baru Universiti Malaysia Sarawak telah disediakan oleh Ngu Tai Tee dan diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Muzik

Diterima untuk diperiksa oleh:

Dr. Hasnizam Abdul Wahid

Tarikh:

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih pengkarya ucapkan kepada pensyarah atas galakkan dan panduan yang begitu penting semasa pengkarya menjalankan projek tahun akhir pengkarya.

Pengkarya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga pengkarya, terutamanya ibu bapa atas dorongan yang tinggi dan sokongan dari segi kewangan semasa pengkarya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, pengkarya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kawan-kawan terutamanya saudara Yong Phil Seng yang memberi pertolongan dari segi pandangan dan nasihat kepada pengkarya dalam menjalankan kajian ini.

Terima kasih kepada semua.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Halaman Tajuk.....	i
Borang Pengesahan Status Laporan.....	ii
Pengesahan dan Tandatangan Penyelia.....	iii
Penghargaan.....	iv
Isi Kandungan.....	v-vii
Abstrak.....	viii
Abstract.....	ix

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan.....	1-2
1.2 Latar Belakang	
1.2.1 Perodua Kancil.....	2-3
1.2.2 Kampus Baru Universiti Malaysia Sarawak.....	3-5
1.3 Masalah Kajian.....	5
1.4 Objektif Kajian.....	6
1.5 Kepentingan Kajian.....	6-7
1.6 Skop Kajian.....	7

BAB 2 KAJIAN LITERASI

2.1 Pengenalan.....	8
2.2 Iklan Perodua Kancil yang lepas.....	8-10
2.2.1 Iklan Perodua Kancil Model 850 EX	10-11

2.3 Maklumat tentang Kampus Baru Universiti Malaysia Sarawak.....	11-12
2.3.1 Klip video – Universiti Malaysia Sarawak.....	12-13
2.4 Cadangan Muzik Mengiringi Visual.....	13-14

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Metodologi Penyelidikan.....	15
3.1.1 Kaedah Primer	
A. Temubual.....	15
B. Fotografi.....	16
3.1.2 Kaedah Sekunder	
A. Buku Rujukan.....	16
B. Katalog, iklan dan video klip UNIMAS.....	16
C. Laman Web.....	17
3.2 Peralatan Media.....	17-18
3.3 Proses Menghasilkan Video.....	18-20
3.4 Proses Menghasilkan Audio.....	20-21

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan.....	22
4.2 Penghasilan Video	
4.2.1 <i>Jingle</i> Perodua Kancil 850 EX.....	22-25
4.2.2 Klip Video - Kampus Baru Universiti Malaysia Sarawak.....	24-25

4.3 Perbincangan Mengenai Muzik yang Dipilih untuk Mengiring Visual	
4.3.1 <i>Jingle</i> Perodua Kancil 850 EX.....	25-29
4.3.2 Klip Video – Kampus Baru Universiti Malaysia Sarawak.....	29-34

BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Rumusan.....	35-36
5.2 Cadangan.....	36-37

RUJUKAN	38-40
----------------------	-------

LAMPIRAN A (skor muzik bagi komposisi *jingle* Perodua Kancil 850 EX)

LAMPIRAN B (skor muzik bagi komposisi *jingle* kampus baru UNIMAS)

LAMPIRAN C (papan cerita bagi komposisi *jingle* Perodua Kancil 850 EX)

LAMPIRAN D (papan cerita bagi komposisi *jingle* kampus baru UNIMAS)

LAMPIRAN E (jadual mengenai spesifikasi teknikal Perodua Kancil)

Abstrak

Dalam penyelidikan dan projek tahun akhir ini mengandungi dua komposisi *jingle* yang asli. *Jingle* yang pertama adalah berkaitan dengan satu iklan yang mempromosikan sejenis model kereta yang dikeluarkan oleh Malaysia iaitu Perodua Kancil 850 EX dan *jingle* yang kedua merupakan satu klip video yang memperkenalkan Kampus Baru Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Abstract

This final year projects consist of two original jingle compositions. The first was an advertisement promoting Malaysian car- Perodua Kancil 850 EX and second jingle was composed for a video clip that introduces Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) New Campus.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Menurut Hornby AS (2001) dalam *Oxford Fajar advanced Learner's English-Malay Dictionary*, *Jingle* merupakan satu rima atau nyanyian yang pendek, direka untuk menarik perhatian orang ramai khususnya digunakan dalam iklan di radio atau televisyen. *Jingle* ini haruslah bersifat sederhana dan mudah diingat oleh orang ramai. Sesebuah komposisi *jingle* yang berkesan atau berjaya menarik perhatian penonton dengan mempromosikan produk atau perkhidmatan yang menggunakan *jingle* tersebut akan sentiasa teringat di ingatan penonton walaupun ia tidak disiarkan lagi dalam radio dan televisyen.

Melalui kajian ini, pengkarya akan menghasilkan dua buah komposisi *jingle* yang asli dan berbeza dengan *jingle* yang lain. Komposisi *jingle* yang pertama adalah bertemakan “Perodua Kancil 850 EX”. Komposisi ini merupakan sebuah iklan yang memperkenalkan dan mempromosikan sebuah kereta keluaran Malaysia iaitu Perodua Kancil 850 EX. Manakala komposisi *jingle* yang kedua ialah sebuah klip video yang memperkenalkan kampus baru Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang akan

menunjukkan persekitaraan UNIMAS dan fakulti-fakulti yang terdapat di kampus baru UNIMAS.

1.2 Latar Belakang

1.2.1 Perodua Kancil

Pada tahun 1994, Perusahaan Automobol Kedua (*PERODUA*) telah mengeluarkan sebuah kereta bersaiz kecil yang dikenali sebagai Perodua Kancil atau lebih dikenali sebagai “ *Nippa* ” di pasaran United Kingdom. Model kereta ini dinamakan sebagai Kancil sempena nama seekor binatang yang bijak, iaitu kancil yang pernah muncul dalam cerita dongeng kanak-kanak pada zaman dulu.

Menurut Encik James Chai Hian Huat yang merupakan seorang wakil jualan dari DMM Sales Sendirian Berhad menyatakan bahawa Perodua Kancil mempunyai enam jenis warna iaitu perak, emas, biru, merah, putih dan hitam. Di samping itu, beliau juga menyatakan bahawa kereta Perodua Kancil mempunyai 3 model yang berbeza iaitu:

- a) Kancil 660 EX - enjin 3 silinder sebaris 659 cc menggunakan karburetor, berkuasa 31 hp (22.8 kW), transmisi manual 5 kelajuan, bumper hitam serta mempunyai jalur pintu.
- b) Kancil 850 EX - enjin 3 silinder sebaris 847 cc menggunakan karburetor, berkuasa 37 hp (27.8 kW), transmisi manual 5 kelajuan, bumper berwarna serta mempunyai jalur pintu.

- c) Kancil 850 EZi - enjin 3 silinder sebaris 847 cc menggunakan suntikan bahan api, berkuasa 50 hp (36.7 kW), transmisi automatik 3 kelajuan, bumper yang berwarna serta mempunyai jalur pintu.

Perodua Kancil 850 EX merupakan sebuah kereta yang mempunyai empat pintu dengan keluasan 5 tempat duduk. Perodua Kancil merupakan sebuah model kereta yang paling digemari oleh golongan wanita dan sesuai untuk pemandu yang baru mendapat lesen serta banyak digunakan dalam sekolah memandu kerana ia bersaiz kecil, dan menjimatkan dari segi bahan api (petrol) kerana enjinnya yang berkuasa kecil 660 cc dan 850 cc.

1.2.2 Kampus Baru Universiti Malaysia Sarawak

Berdasarkan buku Persada Bil. 19 (2006) yang dikeluarkan pada bulan April – Jun, universiti kelapan iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Malaysia telah ditubuhkan pada 24 Disember 1992. UNIMAS juga merupakan universiti yang pertama ditubuhkan di bawah Wawasan 2020. Fakulti Sains dan Teknologi Sumber dan Fakulti Sains Sosial merupakan fakulti yang terawal ditubuhkan di UNIMAS. Manakala, Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia dan Pusat Maklumat Khidmat Akademik merupakan pusat sokongan akademik yang pertama di UNIMAS. Pada ketika itu, hanya terdapat 148 orang warga UNIMAS di mana terdapat 118 orang pelajar dan 30 orang kakitangan akademik dan pembelajaran bertempat di Kolej Latihan Telekom, Simpang Tiga, Kuching. Pada tahun 1993, UNIMAS telah berpindah ke kampus baru (kampus sementara pada masa kini) di Kota Samarahan. Pada 31 Ogos 1993, Tun Mahathir

Mohamad selaku Perdana Menteri pada ketika itu telah merasmikan kampus baru ini.

Berdasarkan laman web UNIMAS (UNIMAS, 2006), Universiti Malaysia Sarawak telah mendirikan 8 buah fakulti yang menawarkan 20 jenis program, tiga buah institut dan tujuh buah pusat selepas beberapa tahun. Pada 9 Ogos 1997 telah menjadi hari yang terpenting bagi seluruh warga UNIMAS kerana konvokesyen yang pertama telah berjaya dilangsungkan.

Menurut buku program konvokesyen UNIMAS ke-10 (2006), projek pembinaan kampus baru UNIMAS yang membabitkan dua fasa telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Abdul Taib Mahmud selaku Pro-Canselor UNIMAS dan Ketua Menteri Sarawak pada 13 Mei 2002 dan fasa yang pertama bagi kampus ini telah siap dibina pada 18 April 2006 dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri Malaysia.

Berdasarkan laman web utama UNIMAS (UNIMAS, 2006), landskap kampus baru UNIMAS ini merangkumi bangunan Canselori dan Rumah Universiti, Pusat Maklumat Khidmat Akademik, Pusat Khidmat Maklumat dan Teknologi Komunikasi, Pusat Pengajaran Bahasa, Kemudahan Pengajaran Sentral, tiga buah kolej kediaman pelajar dan lima buah fakulti iaitu Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Fakulti Kejuruteraan.

Dalam buku program Konvokesyen ke-10 UNIMAS (2006), menyatakan bahawa semua rekaan bangunan di kampus baru itu adalah berkonsepkan imej abad ke-21. Di samping itu, konsep terbuka yang diamalkan telah membolehkan warga UNIMAS dapat menggunakan segala kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan. Pada kampus baru UNIMAS terdapat dua buah menara air dan tasik seluas 40 ekar yang merupakan satu keistimewaan dan keindahan pemandangan di kampus ini.

1.3 Masalah Kajian

Masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkarya dalam kajian ini adalah pengkarya memerlukan suatu jangka masa yang agak panjang untuk menghasilkan sebuah melodi atau muzik yang dijadikan sebagai muzik latar belakang untuk komposisi *jingle*. Hal ini kerana dalam masa yang singkat, pengkarya menghadapi kesukaran untuk mendapat idea bagi mencipta sebuah muzik yang sesuai untuk komposisi *jingle*. Di samping itu, pengkarya dikehendaki mengubah rentak muzik berdasarkan kesesuaian terhadap klip video yang dihasilkan.

Masalah seterusnya yang dihadapi oleh pengkarya adalah masalah cuaca. Keadaan cuaca seperti hari hujan telah mempengaruhi dan melambatkan proses penggambaran dan membuat sesi rakaman.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Perodua Kancil 850 EX

Objektif-objektif bagi menghasilkan sebuah iklan bagi Perodua Kancil 850 EX adalah untuk:

- a. Memperkenalkan Perodua Kancil 850 EX
- b. Memperkenalkan spesifikasi bagi Perodua Kancil 850 EX
- c. Menunjukkan keistimewaan Perodua Kancil 850 EX

1.4.2 Kampus Baru Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Objektif-objektif bagi menghasilkan sebuah klip video yang bertemakan Kampus Baru UNIMAS adalah untuk:

- a) Memperkenalkan UNIMAS
- b) Memperkenalkan setiap fakulti yang terdapat di kampus baru UNIMAS serta program-program yang ditawarkan oleh setiap fakulti
- c) Menunjukkan pemandangan alam sekitar di kampus baru UNIMAS

1.5 Kepentingan Kajian

Pengkarya dapat mengaplikasikan segala ilmu pengetahuan yang telah dipelajari oleh pengkarya semasa kuliah untuk menghasilkan kedua-dua komposisi *jingle*. Sebagai contohnya, ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui sesi perkuliahan seperti teori muzik, harmoni moden, penggubahan kreatif, instrumen atau vokal dan ensemble

(perisian *Sonar*) dan sebagainya telah membantu pengkarya untuk mengubah muzik yang bersesuaian dalam komposisi *jingle*.

Di samping itu, pengkarya turut mempelajari ilmu pengetahuan yang baru seperti penggunaan perisian-perisian yang baru seperti *Sony Vegas Movie Studio 5*, *Ulead DVD Movie factory 5* dan sebagainya yang digunakan untuk menghasilkan komposisi *jingle*. Selain daripada itu, pengkarya juga telah mempelajari cara-cara menghasilkan sebuah *jingle* yang mempunyai nilai komersial.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian tertumpu kepada menghasilkan satu muzik untuk dijadikan sebagai muzik latar belakang dan menghasilkan sebuah klip video yang berkualiti untuk menghasilkan komposisi *jingle yang* berkualiti tinggi dan mempunyai nilai komersial. Kajian ini adalah tertumpu kepada persekitaran kampus baru UNIMAS dan juga kereta Perodua Kancil 850 EX yang merupakan bahan yang utama dalam menghasilkan komposisi *jingle* oleh pengkarya.

BAB 2

KAJIAN LITERASI

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkarya akan menjelaskan lebih teliti mengenai model kereta Perodua Kancil yang difokuskan dalam kajian ini iaitu Perodua Kancil 850 EX. Di samping itu, pengkarya juga menceritakan tentang kampus baru Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Selain itu, pengkarya juga menerangkan tentang muzik latar belakang yang digubah untuk mengiringi visual.

2.2 Iklan Perodua Kancil yang lepas

Model Perodua Kancil yang difokuskan dalam kajian ini adalah Perodua Kancil 850 EX. Ia merupakan salah satu jenis model Perodua Kancil yang dikeluarkan oleh Perusahaan Automobil Kedua (*PERODUA*), selain daripada 660 EX dan 850 EZi. Perodua Kancil 850 EX merupakan sebuah kereta yang menggunakan enjin 3 silinder sebaris 847cc menggunakan karburetor, berkuasa 37 hp (27.8 kW), transmisi manual 5 kelajuan, bumper yang berwarna serta mempunyai jalur pintu.

Menurut Encik James Chai Hian Huat, seorang wakil jualan dari DMM Sales Sendirian Berhad, menyatakan bahawa Perodua Kancil 850 EX boleh didapati dalam enam jenis warna iaitu perak, emas, biru, merah, putih dan perak berkilau. Pilihan warna yang ceria bagi model ini adalah untuk menambahkan keriangannya kepada pengguna.

Menurut Encik Liu Yu Liang, seorang wakil jualan dari Perodua Sales Sendirian Berhad menyatakan bahawa terdapat banyak keistimewaan atau spesifikasi dan kebaikan pada Perodua Kancil 850 EX. Antara keistimewaan atau spesifikasi dan kebaikannya adalah seperti berikut:

- a) Lampu depan yang berbentuk bujur
- b) Rekaan baru lampu belakang
- c) Tempat duduk fabrik yang lebih lembut dan selesa
- d) Kedudukan panel meter di tengah
- e) Rekaan baru penggelap cermin belakang
- f) Menjimatkan penggunaan bahan api (petrol) kerana enjin yang berkuasa kecil iaitu 850 cc sahaja
- g) Harga yang bermula dari RM 29896.30 adalah lebih murah jika dibandingkan dengan kereta ekonomi jenis lain di Malaysia
- h) Mudah dikendalikan sama ada di jalan raya atau di tempat letak kereta

Perbezaan yang paling ketara di antara model 850 EX dengan model yang lain adalah jenis enjin yang digunakan iaitu model 850 EX menggunakan jenis enjin ED-10,

660cc EX menggunakan jenis enjin EF-CL dan 850 EZi pula menggunakan jenis enjin ED-DE. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perbezaan spesifikasi teknikal di antara Perodua Kancil 850 EX dengan model yang lain, sila rujuk pada lampiran E.

Kebanyakan iklan yang lepas yang mempromosikan kereta Perodua Kancil hanya memperkenalkan secara umum mengenai PERODUA dan jarang mempunyai iklan yang mempromosikan secara khusus mengenai model kereta keluaran PERODUA sama ada Perodua Kancil, Myvi dan sebagainya terutamanya dalam media elektronik apatah lagi iklan dalam surat khabar dan majalah yang hanya menunjukkan spesifikasi secara umum sahaja terhadap keluaran PERODUA. Contohnya, sebuah iklan di televisyen yang dihasilkan sempena Tahun Baru 2007 hanya menunjukkan suasana sebelum dan semasa perayaan tahun baru dan tidak menunjukkan sebarang kelebihan atau spesifikasi kereta Perodua Kancil.

2.2.1 Iklan Perodua Kancil Model 850 EX

Berdasarkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan keistimewaan atau spesifikasi dan kebaikan pada Perodua Kancil 850 EX yang diperolehi pengkarya telah menggunakannya untuk menghasilkan sebuah komposisi *jingle* bagi memperkenalkan dan mempromosikan Perodua Kancil 850 EX. Pengkarya menghasilkan *jingle* ini kerana kebanyakan iklan Perodua Kancil yang lepas hanya memperkenalkan Perodua Kancil secara umum sahaja sama ada dalam media elektronik seperti radio dan televisyen atau dalam suratkhabar dan sebagainya. Oleh sebab itu, pengkarya menggunakan maklumat berkaitan dengan spesifikasi Perodua Kancil 850 EX yang telah dikumpulkan untuk

menghasilkan sebuah komposisi *jingle* yang bertemakan Perodua Kancil 850 EX yang memperkenalkan spesifikasi Perodua Kancil 850 EX seperti lampu depan berbentuk bujur, mudah dikendalikan apabila di tempat letak kereta, menjimatkan bahan api kerana berkuasa kecil, iaitu 850 cc dan lain-lain.

Dalam komposisi *jingle* ini, pengkarya akan menunjukkan gambar-gambar yang berkaitan dengan spesifikasi dan ia akan disertai dengan teks-teks yang berkaitan dengan gambar yang ditunjukkan. Contohnya, apabila menunjukkan gambar lampu depan maka perkataan “lampu depan berbentuk bujur” akan ditunjukkan bersama. *Jingle* ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada orang ramai supaya mereka mengetahui lebih lanjut mengenai tentang Perodua Kancil model ini dan seterusnya meningkatkan hasil jualan.

2.3 Maklumat tentang Kampus Baru Universiti Malaysia Sarawak

Dalam proses menghasilkan klip video yang bertemakan Kampus Baru Universiti Malaysia Sarawak, pengkarya telah mengumpulkan maklumat tentang landskap kampus baru UNIMAS. Berdasarkan buku Persada Bil. 19 (2006) yang dikeluarkan pada April – Jun, projek pembinaan kampus baru ini meliputi kawasan seluas 1040 hektar yang terletak di Kota Samarahan.

Berdasarkan laman web utama UNIMAS (UNIMAS, 2006), landskap kampus baru UNIMAS ini merangkumi bangunan Canselori dan Rumah Universiti, Pusat Maklumat Khidmat Akademik, Pusat Khidmat Maklumat dan Teknologi Komunikasi,

Pusat Pengajaran Bahasa, Kemudahan Pengajaran Sentral, tiga buah kolej kediaman pelajar dan lima fakulti iaitu Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Fakulti Kejuruteraan.

Selain itu, kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampus baru adalah lebih lengkap jika dibandingkan dengan kampus sementara. Di kampus baru ini setiap fakulti mempunyai bilik seminar dan dewan kuliahnya tersendiri jika dibandingkan dengan kampus sementara yang terpaksa berkongsi tempat kuliah terutamanya dewan kuliah antara fakulti. Di samping itu, setiap program dalam fakulti juga mempunyai bengkel, studio dan bilik seminar sendiri. Selain itu, kampus baru juga menyediakan sebuah Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) yang lebih selesa jika dibandingkan dengan kampus sementara dahulu. PKMA sekarang telah menyediakan lebih banyak kemudahan kepada para penghuni UNIMAS seperti kawasan pameran, bilik seminar, bilik perbincangan, bilik bacaan 24 jam dan lain-lain. Di samping itu, pihak PKMA juga meningkatkan mutu perkhidmatan seperti makmal komputer yang dilengkapi dengan bilangan komputer yang lebih banyak, menambahkan bahan rujukan, sistem pinjaman buku secara elektronik dan lain-lain.

2.3.1 Klip Video – Kampus Baru Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Berdasarkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kampus baru yang telah dikumpulkan, pengkarya telah menghasilkan satu klip video yang memperkenalkan kampus baru UNIMAS. Dalam komposisi *jingle* ini pengkarya akan

menunjukkan landskap kampus baru UNIMAS yang merangkumi bangunan Canselori dan Rumah Universiti, Pusat Maklumat Khidmat Akademik, Pusat Khidmat Maklumat dan Teknologi Komunikasi, Pusat Pengajaran Bahasa, Kemudahan Pengajaran Sentral, tiga buah kolej kediaman pelajar dan lima fakulti iaitu Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Fakulti Kejuruteraan. Maka, pengkarya memasukkan semua foto atau video yang dirakam ke dalam klip video ini. Hal ini demikian kerana bangunan-bangunan yang dinyatakan adalah lambang bangunan bagi kampus baru UNIMAS.

Pengkarya juga akan menunjukkan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kelima-lima fakulti yang terdapat kampus baru seperti menunjukkan bengkel, studio, dewan kuliah dan bilik komputer. Di samping itu, pengkarya turut menunjukkan situasi dalam Pusat Khidmat Maklumat Akademik seperti bilik komputer dan rak buku.

2.4 Cadangan Muzik Mengiringi Visual

Oleh kerana *jingle* merupakan satu rima atau nyanyian yang pendek dan ia haruslah bersifat sederhana dan mudah ingati, maka pengkarya telah menghasilkan satu muzik yang mudah dan pendek untuk mengiringi visual yang dihasilkan oleh pengkarya.

Dalam kedua-dua muzik yang dihasilkan untuk mengiringi komposisi *jingle* yang bertajuk Perdua kancil 850 EX dan kampus baru Universiti Malaysia Sarawak. Pengkarya menggunakan kaedah pergulanagn (*repetition*) dalam menghasilkan melodi

bagi kedua-dua muzik tersebut. Hal ini kerana melodi yang berulang-ulang membolehkan penonton mudah mengingatnya dan menarik perhatian penonton untuk terus menyaksikan kedua-dua *jingle* ini.

Selain itu, pengkarya menggunakan kod *tonic triad* dalam mengubah muzik untuk mengiringi visual. Kod *tonic triad* merupakan jenis kod yang paling asal di mana ia menggunakan not yang pertama dalam sesuatu skel. Contohnya, kod *tonic triad* bagi C major adalah C, E dan G. Di samping itu, kebanyakan *interval* yang digunakan dalam menghasilkan kedua-dua muzik ini adalah dekat iaitu 2nd dan 3rd dan *interval* yang paling jauh digunakan adalah 7th iaitu dari not B ke not A pada muzik untuk komposisi *jingle* yang bertajuk kampus baru Universiti Malaysia Sarawak.

Pengkarya hanya menggunakan alat muzik yang ringkas sahaja dalam mengubah muzik untuk kajian ini. Contohnya muzik bagi Perodua kancil 850 EX, pengkarya menggunakan *pad sweeper*, *pad*, *guitar high*, *guitar bridge* dan *drum* manakala muzik untuk kampus baru Universiti Malaysia Sarawak hanya menggunakan *oboe*, *piccolo*, *brass section*, *French horn*, *tuba* dan *drum* supaya muzik yang digubahkan adalah mudah.

Selain itu, pengkarya juga menggunakan dinamik dalam kedua-dua muzik ini seperti *forte*, *piano*, *crescendo* dan sebagainya untuk mempelbagai mood muzik agar ia mempunyai mood yang berlainan yang bahagian tertentu.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Metodologi Penyelidikan

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kualitatif iaitu menggunakan kaedah primer dan kaedah sekunder.

3.1.2 Kaedah Primer

A. Temubual

Kajian ini dijalankan oleh pengkarya melalui temubual yang telah diadakan bersama dengan Encik James Chai Hian Huat yang bertugas sebagai seorang wakil jualan di DMM Sales Sendirian Berhad dan Encik Liu Yu Liang seorang wakil jualan dari Perodua Sales Sendirian Berhad. Pengkarya telah mendapat banyak maklumat yang berkaitan dengan Perodua Kancil seperti dari segi keistimewaannya, harga, jenis-jenis model Perodua Kancil dan lain-lain. Semua maklumat tersebut telah dijadikan sebagai panduan penulisan tesis dan pengambilan gambar untuk membuat klip video pengkarya.